

# LAWATAN RASMI COMMANDER-IN-CHIEF ROYAL THAI AIR FORCE KE MARKAS TENTERA UDARA

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4207-lawatan-rasmi-commander-in-chief-royal-thai-air-force-ke-markas-tentera-udara](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4207-lawatan-rasmi-commander-in-chief-royal-thai-air-force-ke-markas-tentera-udara)



KUALA LUMPUR, 4 Dis 18 – Commander-in-Chief Royal Thai Air Force (RTAF), Air Chief Marshal Chaiyapruk telah mengadakan kunjungan ke Markas Tentera Udara, Wisma Pertahanan hari ini sempena lawatan rasmi dua hari beliau ke Malaysia pada 3 hingga 4 Dis 18.

Dalam rangka lawatan di sini, Air Chief Marshal Chaiyapruk telah membuat kunjungan hormat ke atas Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM. Lawatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan diplomasi pertahanan yang telah wujud sekian lama khususnya antara TUDM dan RTAF.

Terdahulu, ketibaan beliau di Wisma Pertahanan telah disambut dengan penuh istiadat ketenteraan menerusi perbarisan Kawalan Kehormatan Utama dari Rejimen TUDM diiringi oleh Pasukan Pancaragam Pusat TUDM.